

06/11/1999

Kejayaan Azhar milik semua

Wan Jailani Razak

DETIK bersejarah kepulangan Datuk Azhar Mansor pada 11 Ogos lalu melenyapkan keraguan sesetengah pihak mengenai idea awalnya untuk melakukan percubaan belayar mengelilingi dunia secara solo yang menganggap ia cuma 'angan-angan Mat Jenin'.

Beliau pulang bagi menunaikan tanggungjawabnya untuk mengangkat martabat negara di mata dunia bahawa rakyat Malaysia juga mampu menakluki samudera luas, lagi ganas. Kini, kejayaan beliau dikagumi ramai. Bagi rakyat Malaysia, ia satu sumber inspirasi yang amat bernilai dan bertaraf dunia memandangkan beliau adalah pelayar pertama yang menamatkan percubaan itu mengikut laluan baru Barat-Timur.

Malah kejayaannya dianggap amat bernilai hinggakan wang ringgit sekalipun tidak mungkin sama dari segi pengalaman dan kepuasan yang dikecapinya. Ia membuktikan satu permulaan kepada kebangkitan rakyat Malaysia untuk menguji tahap kemampuan mereka kerana kejayaan Azhar sebenarnya milik semua. Tanpa sokongan mereka, pelayarannya belum tentu berjaya. Malah, semangat yang ditunjukkan Azhar adalah manifestasi daripada matlamat.

Tidak ada kisah pengembaraan di Malaysia yang mendapat perhatian sehebat pelayaran Azhar. Ini terbukti apabila lebih 6,000 e-mel diterima oleh Azhar, daripada Perdana Menteri hinggalah pelajar.

Berbekalkan semangat padu itu, Azhar tanpa mepedulikan penderitaan demi penderitaan yang dialami ketika bersendirian di tengah lautan, tetap berani menongkah arus biarpun pelayarannya mencecah 190 hari.

Diharap semangat luar biasa yang ditunjukkan Azhar itu dapat diteladani generasi muda yang memiliki banyak angan-angan. Apa tidaknya, kesungguhannya untuk terus belayar menerima tamparan hebat apabila tiang layar utama Jalur Gemilang patah tiga selepas dipukul ribut pada 12 April lalu ketika berada kira-kira 900 batu nautika dari Kepulauan Falkland.

Kejayaan beliau dianggap unik oleh pelaut dunia kerana berjaya mengemudikan kapalnya, 'Jalur Gemilang' melintasi Cape Horn selepas berdepan cuaca buruk dan dalam keadaan tiang layar yang patah tiga.

Apa yang dialami Azhar selama pelayarannya memang sukar difahami jika seseorang itu bukan dari kalangan pelaut. Beliau mencari cabaran, dan itulah yang diterimanya. Di atas kapal sepanjang 15 meter itu, Azhar berdepan angin selaju 120 kilometer sejam, gelombang setinggi 12 meter, hujan batu serta suhu sejuk mencengkam tulang.

Tidak cukup dengan itu, Lautan Selatan yang digelar 'gunung cecair' menguji Jalur Gemilang dengan tiga kali knock down atau kapal menyendeng 90 darjah sebelum tiang layar patah tiga pada 12 April lalu.

Justeru, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat menjadikan kejayaan Azhar itu sebagai pemangkin falsafah Melayu Baru, bangsa yang keluar daripada kepompong rasa rendah diri, sebaliknya berani menghadapi segala cabaran. Semangat itu yang boleh dinamakan Malaysia Baru, perlu dijadikan pendorong kepada rakyat untuk tidak lagi merelakan diri mereka hanya dipandang sebelah mata.

"Tidak ada jalan mudah untuk mencapai kejayaan. Kita kena fokus dan berusaha sedaya-upaya mencapai apa yang dirancang," kata Azhar ketika diwawancara sebaik tiba di Langkawi. Itulah antara rahsia kejayaan beliau, sekali gus menghantar isyarat yang jelas kepada dunia bahawa anak Malaysia juga mampu melakukannya demi memenuhi impian diri dan aspirasi negaranya.

Kejayaan beliau itu juga disifatkan hasil dorongan kuat penaung Cabaran

Jalur Gemilang, Dr Mahathir ketika melepaskan pelayaran di Awana Porto Malai yang memberikan kata-kata semangat 'Jangan takut-takut, buat balik mai (ke mari) sudah'.

Bagaimanapun, kejayaan itu bukanlah didorong oleh seorang individu semata-mata, malah membabitkan peranan banyak pihak. Kerajaan menerusi Jabatan Perdana Menteri telah memainkan fungsi yang berkesan sebagai penyelaras Cabaran Jalur Gemilang manakala pihak penaja khususnya Kumpulan Gapadu Sdn Bhd (Kumpulan Gapadu), utuh dengan komitmen mereka.

Tanpa pembiayaan lebih RM600,000 daripada Kumpulan Gapadu, misi penerbangan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk menghantar tiang layar Jalur Gemilang ke Kepulauan Falklands selama 18 hari, yang juga mencatat sejarah pertama seumpamanya mengelilingi dunia, tidak akan berjaya.

Begitu juga dengan sokongan hebat peminat yang menyaksikan pelayaran ini sebagai satu bukti rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan peringkat umur, sanggup bersatu hati demi satu matlamat.

Azhar melengkapkan pelayaran mengelilingi dunia mengikut laluan Timur-Barat berdasarkan ketetapan World Sailing Speed Record Council (WSSRC) selepas berjaya menyusuri Cape Leeuwin di Australia, South Cape di New Zealand, Cape Horn di Amerika Selatan, Kepulauan Fernando de Noronha di Lautan Atlantik dan Cape of Good Hope di Afrika Selatan.

Berkat ketabahannya dan doa seluruh rakyat negara ini, beliau mengatasi cabaran kali ketiga oleh rakyat Malaysia selepas cabaran pertama menawan Gunung Everest dan kedua, Ekspedisi Kutub Utara yang sudah mengharumkan nama negara.

Mengimbas kembali pelayaran Azhar, beliau mengakui kecewa dengan kejadian tiang layar patah tiga itu tetapi selepas mendapat sokongan kuat daripada semua rakyat Malaysia, fokus beliau kembali kepada pelayaran.

Memang benar, pelayaran Azhar tidak boleh lagi dikategorikan sebagai pelayaran mengelilingi dunia tanpa henti secara solo tetapi matlamat beliau belum berakhir.

Mengikut klasifikasi baru WSSRC yang beribu pejabat di Britain untuk Azhar, iaitu 'Mengelilingi dunia, dibantu (berhenti-henti) menuju ke Timur' beliau masih boleh menjadi rakyat Malaysia pertama mengelilingi dunia secara solo.

Beliau akhirnya berjaya melepasi perairan Cape Horn di Amerika Selatan, tanjung keempat paling selatan yang perlu dilepasinya pada jam 2.45 petang walaupun Jalur Gemilang pincang.

Ini kerana selepas bertarung nyawa dengan ribut enam hari sebelum itu, beberapa peralatan penting kapal layarnya tidak berfungsi termasuk radar, radio berfrekuensi tinggi dan SSB Radio serta kompas.

Berikutan kejayaan itu, beliau secara automatik boleh menyertai 'Cape Horner Club', sebuah kelab pelayaran elit bertaraf antarabangsa yang hanya dianggotai pelayar yang berjaya melepasi Cape Horn.

Selain tiang layar utama patah, peristiwa mencemaskan Azhar ialah selepas menerima perkhabaran buruk mengenai sebuah kapal layar yang menyertai perlumbaan mengelilingi dunia secara solo, terbalik di Lautan Selatan. Bagaimanapun, pelayar dari Perancis itu, Isabelle Autassier, terselamat.

Pengalamannya belayar di perairan Roaring Forties (kawasan berbahaya yang letaknya di antara 40 dan 49 darjah ke selatan) dan Screaming Fifties (letaknya 50 dan 59 darjah ke selatan) juga disifatkan pengalaman sangat berguna. Ini kerana, hanya segelintir pelayar saja dapat membayangkan atau pernah sampai di perairan itu dengan kapal layar secara solo.

Keadaan bergelora di Lautan Selatan itu hanya membenarkan Azhar tidur purata setengah jam pada satu-satu masa kerana beliau tidak boleh leka daripada mengemudikan Jalur Gemilang. Ini kerana beliau perlu segera

bertindak jika berlaku perubahan cuaca secara mendadak dan jika ada kapal lain menghampiri Jalur Gemilang bagi mengelak pelanggaran.

Justeru, hidup sememangnya tidak pernah mudah bagi pelayar, angin kencang dan ribut, harga untuk dipelajari pelayar lain dalam usaha melakukan percubaan yang sama.

Jalur Gemilang direka bentuk oleh pereka kapal layar terkemuka, Scott Jutson. Kapal layar sepanjang 15 meter dan seberat 6.5 tan itu sesuai untuk belayar mengelilingi dunia secara solo.

Penaja utama pelayaran itu ialah Kumpulan Gapadu dengan kerjasama Perna Corporation, Sapura Group, NTV7, Awana Porto Malai, Projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus), Bina Puri Holdings Sdn Bhd, MMS Miller Sdn Bhd, Dorlon (New Zealand) Ltd, AWL-Kote (Singapore), Pte Ltd dan Bloomingdale Advertising Sdn Bhd.

Cabaran Jalur Gemilang satu kegiatan pelayaran lasak yang bukan berasaskan keuntungan. Ia mendapat nama sedemikian selepas Perdana Menteri menamakan kapal layar itu 'Jalur Gemilang' di Langkawi pada akhir tahun lalu.

Sebelum itu, ia dikenali sebagai 'Cabaran Malaysia Merentasi Lautan' dan digerakkan sendiri oleh Azhar dalam usahanya mengejar impian untuk melakukan pelayaran solo tanpa henti mengelilingi dunia.

Azhar ada menulis surat kepada Dr Mahathir pada 1996 dengan harapan untuk bertemu bagi menjelaskan matlamatnya untuk mengelilingi dunia. Selepas berkesempatan menemui Perdana Menteri pada tahun yang sama, kerajaan secara tidak langsung bersetuju membantu Azhar dengan memberi kerjasama termasuk keperluan di segi teknikal.

Aspek pembiayaan pula membabitkan sektor sama ada dari dalam atau luar negara yang turut sama mahu melihat kejayaan anak Malaysia melakukan percubaan seumpama itu. Sejurus kemudian, satu demi satu penaja muncul memberi bantuan yang diperlukan. Azhar ketika itu menyifatkan beliau orang paling gembira kerana impiannya mula menjadi kenyataan.

Kini, percubaan itu berjaya dan Azhar sudah menyerahkan Jalur Gemilang kepada kerajaan untuk digunakan bagi faedah rakyat sebagai lambang dan cabaran generasi akan datang.